

D559

R B046 AAB
MAHATHIR - KUALITI

KUALA LUMPUR, 27 NOV (BERNAMA) -- RAKYAT MALAYSIA BOLEH BERJAYA SEPERTI BANGSA-BANGSA LAIN YANG TELAH BERJAYA JIKA MEREKA MENERIMA DAN MENGAMALKAN BUDAYA KERJA CEMERLANG, KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

BELIAU BERKATA KEJAYAAN SESUATU BANGSA ITU ADALAH BERGANTUNG RAPAT DENGAN BUDAYA KERJA YANG AKAN MENGUNTUNGGAN DIRI MEREKA SENDIRI.

+SASARAN KERAJAAN MENGADAKAN KEMPEN INI ADALAH UNTUK MENJADIKAN BANGSA MALAYSIA BANGSA YANG BERJAYA, BANGSA YANG MEMPUNYAI KUALITI HIDUP YANG TINGGI, BANGSA YANG MENERIMA BUDAYA KERJA CEMERLANG, KERANA KITA TAHU KEBAIKAN YANG BOLEH DIDAPATI DARIPADANYA,+ KATANYA SEMASA MERASMIKAN PERHIMPUNAN GERAKAN BUDAYA KERJA CEMERLANG DI STADIUM NEGARA DI SINI.

MENURUTNYA, KEMPEN ITU PERLU UNTUK MENINGKATKAN KUALITI HIDUP RAKYAT MALAYSIA MENERUSI KUALITI BUDAYA KERJA DAN BELIAU YAKIN IA AKAN MEMBERI HASIL YANG CEMERLANG, YANG SECARA LANGSUNG AKAN MENINGKATKAN KUALITI HIDUP SEMUA ORANG DI NEGARA INI.

+SEMUA RAKYAT HARUS INGAT BAHAWA WALAUPUN BEKERJA DENGAN KERAJAAN ATAU SWASTA, BUDAYA KERJA CEMERLANG AKAN MENGUNTUNGGAN DIRI MEREKA SENDIRI.+ -- LAGI

1246MST 27 11 89

R B047 AAB
MAHATHIR - KUALITI 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA WALAUPUN TUMPUAN KERAJAAN ADALAH TERHAD HANYA KEPADA BUDAYA KERJA YANG CEMERLANG, TETAPI IA MEMPUNYAI POTENSI DAN KESAN YANG LEBIH LUAS DAN MENYELURUH.

+KUALITI HIDUP YANG BAIK BERMULA DARIPADA BUDAYA KERJA YANG CEMERLANG DAN APA YANG PERLU DIBUAT IALAH SETIAP KERJA YANG DIUSAHAKAN OLEH KITA TIDAK CACAT SAMA SEKALI DALAM PANDANGAN DAN PENILAIAN KITA SEBAGAI SEORANG INSAN.+

SEHUBUNGAN DENGAN ITU, BELIAU MENYARANKAN RAKYAT MALAYSIA MENINGKATKAN BUDAYA KERJA SUPAYA MENJADI LEBIH CEMERLANG, AGAR HASIL YANG DIPEROLEHI JUGA LEBIH CEMERLANG.

MENURUTNYA BUDAYA KERJA CEMERLANG HARUS ADA KEPADA SEMUA RAKYAT MALAYSIA SAMA ADA PERDANA MENTERI, MENTERI-MENTERI, PEGAWAI-PEGAWAI ATAU PARA PEKERJA.

+TIDAK ADA PERBEZAAN ANTARA MENCUCI LONGKANG DENGAN MENTADBIRKAN NEGARA DARIPADA SEGI KECEMERLANGAN YANG DIAMAL DAN DIMATLAMATKAN,+ KATANYA. -- LAGI

1248MST 27 11 89

R B048 AAB
MAHATHIR - KUALITI 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA SESIAPA JUGA BERHAK MEMILIKI BUDAYA CEMERLANG KERANA IA BUKAN HAK MILIK MANA-MANA MASYARAKAT, KUMPULAN ATAU INDIVIDU.

+JIKA BUDAYA CEMERLANG INI TIDAK ADA KEPADA KITA, TIDAK ADA SIAPA YANG BOLEH MENGHALANG KITA DARIPADA MENGEJARNYA DAN MENJADIKAN BUDAYA BERKUALITI ITU SEBAGAI BUDAYA KITA,+ KATANYA LAGI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MEREKA YANG SUDAH MEMILIKI BUDAYA ITU TIDAK HARUS KHUATIR AKAN KEHILANGANNYA WALAUPUN BUDAYA BAIK INI DIKEJAR OLEH MASYARAKAT LAIN BAGI DIJADIKAN SEBAGAI BUDAYA MEREKA.

+MASYARAKAT KESELURUHANNYA AKAN MENJADI LEBIH BERKUALITI JIKA SEMUA ANGGOTA MASYARAKAT MENGAMALKAN BUDAYA CEMERLANG INI,+ TAMBAHNYA.

MENURUTNYA LAGI, TUMPUAN HANYA DIBERI KEPADA BUDAYA KERJA YANG CEMERLANG UNTUK MENJADIKAN KERJA YANG BERMUTU KERANA IA AKAN MENGHASILKAN PERKHIDMATAN DAN BARANG-BARANG YANG BERMUTU TINGGI, YANG BERKUALITI DAN YANG CEMERLANG.

+KERJA YANG CEMERLANG MENGHASILKAN KELUARAN YANG JUGA CEMERLANG DAN INI AKAN MEMBOLEHKAN KEHIDUPAN KITA DAN KUALITI HIDUP KITA, TIDAK DAPAT TIDAK AKAN MENJADI CEMERLANG.+ -- LAGI

1312MST 27 11 89

U B052 AAB
MAHATHIR - KUALITI 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR MENGAMBIL CONTOH MENGENAI KUALA LUMPUR, YANG SEKARANG INI MENJADI BANDAR YANG TERKENAL KERANA KEBERSIHAN DAN KEINDAHANNYA APABILA PENETAPAN DIBUAT UNTUK MEMBERSIH DAN MENGINDAHKANNYA.

MENURUT BELIAU, HANYA BEBERAPA TAHUN LEPAS SAHAJA KUALA LUMPUR ADALAH BANDAR YANG TIDAK ISTIMEWA KERANA TIDAK MEMPUNYAI APA-APA KELEBIHAN.

+PADA MULANYA PERUBAHAN TIDAK TERNAMPAK WALAUPUN USAHA-USAHA TELAH DIMULAKAN KE ARAH ITU -- TAMAN-TAMAN TIDAK CANTIK DAN MENARIK DAN SENI TAMAN TIDAK MENEPATI TAHAP AESTHETIC YANG DIHARAPKAN.+

NAMUN DEMIKIAN, BERKAT TEKUN DAN USAHA MEREKA YANG MEMPUNYAI BUDAYA KERJA YANG BAIK, KUALA LUMPUR MENJADI BERSIH DAN INDAH. KEBERSIHAN DAN KEINDAHAN INI TERUS MENINGKAT SEPANJANG MASA DAN AKAN DIBAIKI LAGI PADA MASA HADAPAN, TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SELAGI ADA BUDAYA KERJA YANG MENEKANKAN MATLAMAT KECEMERLANGAN, KUALA LUMPUR AKAN JAUH LEBIH INDAH DAN BERSIH DARIPADA SEKARANG PADA MASA AKAN DATANG. -- LAGI

1334MST 27 11 89

U B055 BAH
MAHATHIR - KUALITI 5 KUALA LUMPUR

SEMENTARA ITU, MENTERI BELIA DAN SUKAN, DATUK SERI NAJIB TUN RAZAK, BERKATA CIRI-CIRI KUALITI SUDAH DAPAT DILIHAT DALAM CARA NEGARA DITADBIR, TERMASUK KEJAYAAN MALAYSIA MUNCUL SEBAGAI NEGARA TERBESAR MENGEKSPORT +SEMI-CONDUCTORS+, +INTEGRATED CIRCUITS+ DAN MENJADI PENGELUAR UTAMA ALAT PENDINGIN HAWA.

+KEMUNCAK KEPADA SEGALA USAHA PERINDUSTRIAN KITA IALAH APABILA KERETA MALAYSIA, PROTON SAGA, BUKAN SAHAJA MENDAPAT TEMPAT DALAM PASARAN DUNIA TETAPI SUDAH DAPAT MENGATASI PRESTASI NEGARA-NEGARA LAIN, BAHKAN PADA PERINGKAT AWAL LAGI BERUPAYA MENEMBUSI PASARAN NEGARA MAJU SEPERTI GREAT BRITAIN DISEBABKAN KUALITI PENGELUARAN YANG JITU.+

BELIAU, YANG JUGA Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Gerakan Budaya Kerja Cemerlang, Berkata sehubungan itu, kualiti yang menjadi impian bukan sahaja dinilai atau diukur pada daya pengeluaran dan penghasilan dan bukan sahaja pada khidmat yang diberi tetapi merangkumi semua kegiatan, tingkah laku dan pekerjaan yang dilakukan.

+CARA KITA SENYUM PUN ADA KUALITI. KITA TAHU SENYUM BANYAK CARA SENYUM
- ADA YANG MANIS, ADA SENYUM KAMBING, ADA SENYUM PLASTIK DAN SENYUM PERLI DAN ADA YANG MENAWAN HATI.

+PADA SENYUM YANG BERKUALITI INI, HARGANYA AMAT MAHAL KERANA IANYA MEMBERI KESELESAAN KEPADA PELANGGAN SEPERTI SENYUM ORANG POLITIK BOLEH DAPAT MEMANCING UNDI. SEBAB ITU SAYA KATAKAN SENYUM YANG MENDUNGSI NILAI ATAU KUALITI YANG MESTI KITA AMALKAN,+
KATANYA. -- LAGI

1352MST 27 11 89

U B057 AAB
MAHATHIR - KUALITI 6 KUALA LUMPUR

MENURUTNYA, BAGI MENJAMIN KESEJAHTERAAN NEGARA DAN UNTUK MENJADIKAN MALAYSIA NEGARA YANG BERMARUAH TERCAPAI, SEMUA ORANG PERLU MENCAPAI TAHAP KUALITI DALAM SEGALA BIDANG YANG DILAKUKAN.

+SESUNGGUHNYA TAKRIF KUALITI AMAT LUAS KERANA IA BUKAN SAHAJA MELIPUTI PRODUKTIVITI, BUKAN SAHAJA MENCAPAI TUJUAN KEUNTUNGAN, BUKAN SAHAJA PENGUSAHAAN PASARAN TETAPI KUALITI ADALAH MENENTUKAN 'SURVIVAL' DAN SETERUSNYA KECEMERLANGAN BANGSA MALAYSIA,+ KATANYA.

DATUK SERI NAJIB BERKATA JIKA MALAYSIA INGIN MUNCUL SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG BERJAYA DALAM ABAD KE-21, SEMUA PIHAK PERLU MEMPUNYAI KELEBIHAN DALAM PERSAINGAN SECARA GLOBAL.

SEHUBUNGAN ITU, KATANYA, BAGI MEMPASTIKAN KEJAYAAN WAWASAN DATUK SERI DR MAHATHIR SUPAYA MALAYSIA MENJADI SEBUAH NEGARA YANG BERMARUAH DAN DIPANDANG MULIA OLEH BANGSA-BANGSA LAIN, SEMUA RAKYAT PERLU BERAZAM DAN BERTEKAD UNTUK MENCAPAI PENGUSAHAAN KUALITI PADA TAHAP YANG TINGGI.

+MELIHAT KEPADA PERKEMBANGAN DAN PERUBAHAN DUNIA HARI INI, ADALAH SUKAR BAGI KITA MENAFIKAN REALITI BAHAWA SAINGAN DI ANTARA NEGARA-NEGARA DI DUNIA AKAN MENJADI LEBIH HEBAT DAN UNTUK ITU KITA PERLU LAH MELETAKKAN NEGARA KITA DI ATAS LANDASAN KE ARAH PENCAPAIAN KUALITI,+ TAMBAH DATUK SERI NAJIB. -- BERNAMA
1356MST 27 11 89